



# **GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU**

## **1.0 PENGENALAN**

Sejajar dengan hasrat UMT untuk memperkasakan peranan universiti kepada komuniti dengan memindahkan dan mengasimilasikan ilmu dan teknologi yang dijana oleh para penyelidik UMT, geran penyelidikan translasional diperkenalkan. Inisiatif ini, secara langsung, akan meningkatkan sosio-ekonomi komuniti setempat di samping memberikan impak kepada quintuple heliks yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

## **2.0 OBJEKTIF**

Objektif penawaran **TRG** ialah:

- 2.1 Memastikan ilmu atau teknologi yang dihasilkan oleh penyelidik melalui penyelidikan dipindah dan diasimilasi kepada komuniti melalui konsep inovasi sosial.
- 2.2 Membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti.
- 2.3 Membina jalinan kerjasama berterusan di antara universiti dan komuniti.
- 2.4 Memberi impak yang signifikan kepada quintuple heliks yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

## **3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 3.1 Ketua projek adalah warganegara Malaysia.
- 3.2 Ketua projek adalah ahli akademik dengan Gred DS51 ke atas di UMT
- 3.3 Ahli akademik tetap atau kontrak dibenarkan menjadi penyelidik bersama
- 3.4 Penyelidik bersama juga dibenarkan dilantik dari kalangan ahli akademik dan penyelidik dari luar UMT
- 3.5 Ketua projek yang bertaraf ahli akademik kontrak dimestikan mempunyai ahli akademik bertaraf tetap sebagai penyelidik bersama
- 3.6 Ketua projek pernah mengetuai geran penyelidikan.

## **4.0 KRITERIA PERMOHONAN**

- 4.1 Cadangan projek mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang bersifat *applied* dan sebolehnya-bolehnya telah dilindungi harta intelek atau telah dikomersialkan atau mempunyai Letter of Intent (loI) dari syarikat yang berkenaan untuk tujuan pengkomersilan atau telah digunakan oleh industri atau komuniti.

- 4.2 Cadangan projek mesti bersifat pemindahan/asimilasi ilmu/teknologi kepada komuniti atau industri.
- 4.3 Cadangan projek perlu memberi impak positif dari segi sosioekonomi kepada komuniti atau industri.

## 5.0 JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN

Jangkaan hasil penyelidikan (*expected research outputs*) untuk projek penyelidik yang dibiayai di bawah TRG boleh dikategorikan tiga iaitu (i) serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*), (ii) hasil kesarjanaan penyelidikan (scholarly research outputs), dan (iii) impak kepada quintuple heliks (*impacts to quintuple helix*).

Berikut adalah KPI yang perlu dicapai oleh penyelidik untuk projek ini:

- 5.1 Impak kepada quintuple heliks (*impacts to quintuple helix*). Penyelidik **wajib mencadangkan KPI impak kepada masyarakat atau industri (bergantung kepada sasaran kumpulan)** dan digalakkan mencadangkan KPI untuk impak kepada masyarakat atau industri (bergantung kepada proposal), akademia, kerajaan, persekitaran.
  - 5.1.1 Masyarakat (Wajib, bergantung kepada kumpulan sasaran)  
Meningkatkan sosio-ekonomi komuniti setempat  
(KPI ini wajib dicapai [bergantung kepada proposal, sekiranya kumpulan sasaran adalah masyarakat] dan pemantauan akan dilaksanakan secara berkala sehingga tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat).
  - 5.1.2 Industri (Wajib, bergantung kepada kumpulan sasaran)  
Meningkatkan penghasilan produk/pendapatan berdasarkan teknologi yang dipindahkan  
(KPI ini wajib dicapai [bergantung kepada proposal sekiranya kumpulan sasaran adalah industri] dan pemantauan akan dilaksanakan secara berkala sehingga tempoh dua (2) tahun selepas projek tamat).
  - 5.1.3 Akademia (sekiranya ada)
  - 5.1.4 Kerajaan (sekiranya ada)
  - 5.1.5 Persekitaran (sekiranya ada)
- 5.2 Serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*) **wajib dicapai oleh penyelidik**. Penyelidik wajib mencadangkan KPI untuk serahan hasil penyelidikan, sebagai contoh:
  - 5.2.1 Menghasilkan sesuatu proses baharu dan produk

- 5.2.2 Menambah baik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada.
- 5.3 Hasil kesarjanaan penyelidikan (*scholarly research output*) **wajib dicapai oleh penyelidik**. Penyelidik wajib mencadangkan KPI hasil kesarjanaan penyelidikan untuk TRG, sebagai contoh:
- 5.3.1 Menerbitkan artikel penyelidikan yang diterbitkan di dalam jurnal yang disenaraikan di dalam SCOPUS atau WoS atau buku atau bab dalam buku atau monograf atau lain-lain penerbitan; ATAU
  - 5.3.2 Menghasilkan pelajar pasca siswazah bergraduat; ATAU
  - 5.3.3 Menghasilkan hak cipta

KPI jangkaan hasil penyelidikan yang dicadangkan oleh penyelidik akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal, yang akan mencadangkan KPI yang ditambahbaik (sekiranya ada) ke Jawatankuasa Penyelidikan Translasional untuk kelulusan.

## **6.0 AGIHAN PERUNTUKAN DAN TEMPOH PROJEK**

### **6.1 Agihan Peruntukan**

Agihan peruntukan berdasarkan jumlah yang disokong oleh panel penilai dan mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Penyelidikan Translasional.

### **6.2 Tempoh**

Tempoh **maksimum** yang dibenarkan adalah **2 tahun (24 bulan)** dan **pelanjutan tempoh** bergantung kepada keperluan projek tersebut.

## **7.0 SKOP PEMBIAYAAN**

Penggunaan peruntukan dari geran penyelidikan TRG ini boleh digunakan bagi tujuan pembayaran kos-kos berikut sahaja:

### **7.1 Vot 11000**

(Pembayaran Upah dan Elaun)

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA), Pembantu Penyelidik (RA) dan **jawatan-jawatan lain** berdasarkan kertas cadangan yang mendapat sokongan Panel Penilaian Teknikal serta **kelulusan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Translasional**.

### **7.2 Vot 21000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

- 7.2.1 Perjalanan dan pengangkutan bagi menghadiri mesyuarat/lawatan ke komuniti berkaitan dan kerja-kerja persampelan.
- 7.2.2 Kos perjalanan komuniti ke tempat berkaitan projek dilaksanakan.
- 7.2.3 Kos perjalanan bagi tujuan menghadiri mesyuarat dan pembentangan kemajuan dan hasil projek di Kementerian.
- 7.2.4 Perjalanan menggunakan kapal terbang adalah terhad kepada kelas Ekonomi Terendah sahaja.
- 7.2.5 Menghadiri konferensi/seminar/mesyuarat akademik **TIDAK DIBENARKAN.**

6.3 **Vot 24000**

(Sewaan)

- 6.3.1 Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.
- 6.3.2 Sewaan PC dan Laptop hanya dibenarkan bagi projek yang berkaitan sahaja (cth: bidang ICT) dengan justifikasi teknikal secara bertulis. Penggunaan alatan tersebut hanya dibenarkan dalam tempoh projek penyelidikan itu sahaja.

6.4 **Vot 26000 / Vot 27000**

(Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- 6.4.1 Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja yang boleh dibuat.
- 6.4.2 Pembelian *consumables/materials* sahaja **DIBENARKAN.**

6.5 **Vot 28000**

(Baik pulih kecil dan ubahsuai)

- 6.5.1 Perbelanjaan untuk baik pulih, pengubahsuaian terhadap bangunan, makmal, lain-lain peralatan.
- 6.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada.

6.6 **Vot 29000**

(Perkhidmatan)

- 6.6.1 Bayaran perkhidmatan dibenarkan adalah termasuk pembayaran percetakan, hospitaliti dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.
- 6.6.2 Bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh komuniti.

**6.7 Vot 35000**  
(Aksesori dan Peralatan)

- 6.7.1 Pembelian aksesori dan peralatan/aset tetap/harta modal.

## **8.0 TATACARA PERMOHONAN**

- 8.1 Permohonan hendaklah menggunakan format borang permohonan TRG yang disediakan oleh Urusetia CRIM. Borang boleh didapati di Pejabat CRIM ataupun di website CRIM (<http://rmic.umt.edu.my>)
- 8.2 Borang permohonan hendaklah dihantar ke CRIM setelah diisi dengan lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan
- 8.3 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang akan bermesyuarat mengikut keperluan semasa.

## **9.0 PENILAIAN PROPOSAL**

- 9.1 Setiap proposal yang dikemukakan akan dinilai oleh ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dilantik oleh CRIM.
- 9.2 Sokongan penilaian dari JK Penilaian Teknikal akan diserahkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk perakuan.
- 9.3 Hasil penilaian tersebut akan dicadangkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Translasional yang dipengerusikan oleh Naib Canselor yang akan membuat keputusan akhir.

## **10.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 10.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada ketua projek setelah mendapat sokongan daripada Mesyuarat Penilaian Teknikal dan kelulusan Jawatankuasa Penyelidikan Translasional.
- 10.2 Pembayaran peruntukan akan disalurkan setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Translasional.

## **11.0 TANGGUNGJAWAB KETAU PROJEK**

Ketua projek hendaklah menunjukkan kualiti projek penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kepada asas berikut :

- 11.1 Perlantikan jawatan-jawatan lain selain daripada RA/GRA untuk menguruskan projek penyelidikan translasional tertakluk kepada

- proposal penyelidikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Translasional.
- 11.2 Projek dilaksanakan mengikut jadual dan aktiviti yang diluluskan.
  - 11.3 Peruntukan yang dibelanjakan mestilah mengikut tatacara garis panduan yang telah disediakan.
  - 11.4 Mengemukakan laporan kemajuan projek **2 kali setahun** kepada CRIM.
  - 11.5 Mengemukakan laporan akhir dalam tempoh yang telah ditetapkan (3 bulan selepas tamat tempoh projek)
  - 11.6 Memastikan semua ahli projek melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam mencapai objektif projek yang diluluskan.
  - 11.7 Tindakan surcaj akan dikenakan kepada penyelidik sekiranya membuat perbelanjaan melebihi bajet yang dibenarkan, tidak mengikuti peruntukan yang diluluskan atau mengemukakan bukti yang tidak sah.

## 12.0 PEMANTAUAN PROJEK

Projek penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh pihak CRIM berdasarkan kepada Garis Panduan dan Tadbir Urus Pemantauan Geran Penyelidikan seperti berikut:

### 12.1 Laporan Kemajuan

- 12.1.1 Ketua Projek diwajibkan menghantar laporan kemajuan ke CRIM setiap 2 kali setahun
- 12.1.2 Borang adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak CRIM dan boleh didapati dari pejabat CRIM atau melalui website CRIM
- 12.1.3 Kandungan laporan berkenaan terdiri dari **2 komponen** utama iaitu:
  - i) Prestasi projek  
Tahap pencapaian *milestone*
  - ii) Prestasi kewangan  
Status belanja dan baki terkini peruntukan
- 12.1.4 Tahap pencapaian jangkaan hasil penyelidikan perlu juga disertakan di dalam laporan
- 12.1.5 Ketua projek juga akan dijemput untuk membuat pembentangan kemajuan projek, sekiranya perlu

### 12.2 Laporan Akhir Projek

- 12.2.1 Ketua Projek diwajibkan menghantar laporan akhir projek bersama dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek.
- 12.2.2 Borang adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak CRIM dan boleh didapati dari pejabat CRIM dan website CRIM.
- 12.2.3 Penilaian laporan akhir projek adalah berdasarkan kepada 3 komponen merujuk kepada Jangkaan Hasil Penyelidikan.
- 12.2.4 CRIM akan mengadakan sesi pembentangan hasil akhir kajian dan Ketua Projek dijemput untuk membentangkan projek masing-masing di hadapan Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

### **13.0 PROSES DAN URUSAN PEMBELIAN/ TUNTUTAN / PEMBAYARAN BERKAITAN PROJEK**

- 13.1 Semua urusan dan dokumen pembelian atau tuntutan berkaitan geran penyelidikan ini perlu mendapat pengesahan Ketua Projek dan kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.
- 13.2 Semua proses kewangan berkaitan projek penyelidikan ini akan diuruskan dan dikawalselia oleh PTj masing-masing.
- 13.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan dan Tadbir Urus Pemantauan Geran Penyelidikan UMT, Tadbir Urus Pengurusan Geran Penyelidikan UMT dan peraturan kewangan UMT yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

### **14.0 LAIN-LAIN HAL**

- 14.1 Sekiranya berlaku sebarang keadaan di mana ketua projek berhenti bertugas di UMT, berpindah ke institusi lain, atau mana-mana keadaan yang menyebabkan ketua projek tidak dapat memberi tumpuan dalam menyiapkan projek tersebut, maka ketua projek perlu menghantar surat bertulis ke CRIM bagi tujuan pelantikan ketua projek yang baru.
- 14.2 Ketua PTJ bertanggungjawab dalam mencalonkan penyelidik yang bersesuaian sekiranya ketua projek berkaitan meninggal dunia.
- 14.3 Sekiranya ketua projek berhenti separuh jalan atau menolak ketika kelulusan telah diberi, maka ketua projek perlu menyatakan justifikasi bertulis ke CRIM.

Disediakan oleh :

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi  
Universiti Malaysia Terengganu  
Pindaan Jun 2020